

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK/GDP) Malaysia, jumlah penjualan kasar oleh syarikat-syarikat swasta di Malaysia, jumlah keuntungan syarikat dan jumlah cukai yang dibayar oleh syarikat pada tahun 2013.

JAWAPAN

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga malar mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 6 peratus kepada RM835 bilion pada tahun 2014 berbanding 4.7 peratus dengan nilai sebanyak RM787.6 bilion pada tahun 2013. Perkembangan ini didorong

terutamanya oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik serta prestasi perdagangan luar yang lebih baik.

Manakala, jumlah pendapatan kasar tahunan, pendapatan bercukai dan cukai yang dikenakan kepada pembayar cukai syarikat bagi tahun taksiran 2013 adalah seperti berikut:

Perkara	Jumlah (RM)
Pendapatan Kasar	939,158,454,664
Pendapatan Bercukai	268,066,367,709
Cukai Dikenakan	64,180,452,118